

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 4 (20)

15 April 2025
16 Syawal 1446

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 18/2025

PENUBUHAN JAWATANKUASA GOVERNAN DAN DASAR UNIVERSITI (JKGDU)

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat Bil. 16, Sesi 2024/2025 pada 26 Mac 2025 telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Governan dan Dasar Universiti yang menggantikan Jawatankuasa Dasar dan Entiti Universiti (JKDEU) serta Jawatankuasa Teknikal Dasar dan Entiti Universiti (JKTDEU). Kelulusan ini telah melibatkan pindaan skop Jawatankuasa Governan dan Dasar Universiti seperti mana yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 16 pada 11 September 2024 dan dihebahkan kepada warga Universiti melalui Pekeliling Pentadbiran Bil. 34/2024.

2. Pindaan penubuhan Jawatankuasa Governan dan Dasar Universiti adalah berkuat kuasa mulai **26 Mac 2025** dan dilampirkan jadual yang menyatakan dengan jelas skop terkini jawatankuasa ini dan peringkat kelulusan.

3. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai pindaan skop Jawatankuasa Governan dan Dasar Universiti. Maklumat lanjut berhubung JKGDU boleh dirujuk ke Seksyen Governan dan Dasar, Jabatan Pendaftar atau boleh layari laman sesawang, <https://registrar.utm.my/governan/jkgdu/>

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM (Cawangan Kuala Lumpur)
 - Pengarah, UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

LAMPIRAN 1 : SKOP JAWATANKUASA GOVERNAN DAN DASAR UNIVERSITI

Asal		Baharu	
PTJ	Skop	PTJ	Skop
Penasihat Undang-undang	Pengurusan Dokumen Perundangan (Statut, Kaedah dan Peraturan)	Jawatankuasa Dokumen Perundangan	Jawatankuasa diijumudkan
Seksyen Governan dan Dasar	Dokumen Polisi (Dasar, Polisi, Prosedur dan Garis Panduan) Pewujudan, Penstrukturan dan Penjumudan Entiti	JKTDEU JKDEU	Skop Jawatankuasa adalah di bawah bidang kuasa Penasihat Undang-undang sebagaimana Statut Penasihat Undang-undang, UTM
		Seksyen Govenan dan Dasar, Jabatan Pendaftaran	<p>i. Pengurusan Dokumen Polisi (Dasar dan Polisi).</p> <p>ii. Pengurusan Dokumen Polisi (Prosedur dan Garis Panduan di bawah kuasa Lembaga Pengarah, sebagaimana dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 2024, Garis Panduan mengenai Pengurusan dan Tatakelola Badan Berkanun Persekutuan).</p> <p>iii. Pewujudan, Penstrukturan dan Penjumudan Entiti Akademik, Penyelidikan dan Perkhidmatan dan keperluan jawatan di bawah lantikan Universiti.</p> <p>iv. Pewujudan, Penstrukturan dan Penjumudan jawatankuasa di peringkat Universiti (struktur tadbir urus).</p>
		Bahagian Pengurusan Organisasi	<p>i. Pengurusan dokumen polisi (dokumen prosedur dan garis panduan) bagi tujuan operasi jabatan untuk memastikan penambahbaikan dan semakan dapat dilaksanakan dengan segera dan proses pelaksanaan operasi dapat diteruskan.</p>
			<p>Jawatankuasa Governan dan Dasar Universiti (JKGDU)</p> <p>Jawatankuasa Pengurusan Kualiti Perkhidmatan</p> <p>*Pengurusan dokumen operasi akan dilihat sekali dengan Sistem Pengurusan Kualiti.</p>

LAMPIRAN 2 : PERINGKAT KELULUSAN DOKUMEN POLISI

JENIS DOKUMEN/ PERINGKAT JAWATANKUASA	DOKUMEN POLISI			
	DASAR	POLISI BERKAITAN KUASA LPU	POLISI	**PROSEDUR & GARIS PANDUAN BERKAITAN KUASA LPU
JAWATANKUASA GOVERNAN DAN DASAR UNIVERSITI	Syor	Syor	Perakuan	Syor
JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI (JPU)	Perakuan	Perakuan	Kelulusan	Perakuan
*SENAT	Perakuan	Perakuan	Kelulusan	Perakuan
*LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI	Kelulusan	Kelulusan	Makluman	Kelulusan

* Lembaga Pengarah Universiti dan Senat boleh masing-masing memperakukan dalam bidang tanggungjawab masing-masing

** Prosedur dan Garis Panduan yang bukan berkaitan kuasa LPU diluluskan di peringkat Jabatan

**LAMPIRAN 3 : PERINGKAT KELULUSAN PENUBUHAN, PENSTRUKTURAN DAN
PENJUMUDAN ENTITI UNIVERSITI**

ENTITI/ PERINGKAT JAWATANKUASA	ENTITI		
	AKADEMIK	PENYELIDIKAN	PERKHIDMATAN & PENTADBIRAN
JAWATANKUASA GOVERNAN DAN DASAR	Perakuan	Perakuan	Syor/ Perakuan
**JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI (JPU)	Kelulusan *melibatkan implikasi keuangan dan sumber lain	Kelulusan *melibatkan implikasi keuangan dan sumber lain	Perakuan/ Kelulusan
**SENAT	Kelulusan	Kelulusan	-
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI	Kelulusan *melibatkan implikasi keuangan	Kelulusan *melibatkan implikasi keuangan	Kelulusan *melibatkan implikasi keuangan
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI	Perakuan	Perakuan	-